

MB, EXCO antara barisan hadapan terima suntikan vaksin di Selangor semalam

SHAH ALAM: Program Imunisasi Vaksin COVID-19 Peringkat Negeri Selangor dilancarkan semalam dengan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari menjadi antara 42 individu pertama menerima suntikan vaksin berkenaan di negeri ini.

Turut menerima suntikan vaksin semalam ialah Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, Pemangku Ketua Polis Selangor Datuk Arjunaidi Mohamed dan barisan Exco kerajaan negeri.

Kesemua mereka diberikan suntikan vaksin jenis Pfizer-BioNTech oleh vaksinator (petugas memberi suntikan) daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Semua individu yang menerima vaksin pada semalam akan menerima suntikan kedua pada 18 Mac depan di Hospital Shah Alam.

Dr Noor Azmi dalam uca-

pannya berkata, di Selangor sebanyak enam hospital dijadikan sebagai Pusat Simpanan Vaksin dengan kemudahan penyejuk bekubersuhu ultra rendah (ULTF) iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang; Hospital Serdang; Hospital Selayang; Hospital Sungai Buloh; Hospital Ampang dan Hospital Tanjong Karang.

“Sebanyak 70 fasiliti kesihatan milik Kementerian Kesihatan Malaysia melibatkan 14 hospital termasuk dua hospital pengajar iaitu Hospital Perubatan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA serta 56 klinik kesihatan telah dikenal pasti sebagai Pusat Pemberian Vaksin.

“Setakat ini seramai 1,979 vaksinator di seluruh Selangor telah dikenal pasti bagi memberikan suntikan vaksin COVID-19 kepada individu yang layak,” katanya.

Menurut Dr Noor Azmi selain fasiliti kesihatan, kerajaan negeri juga sedang mengenal pasti kemudahan



PELANCARAN: Dr Noor Azmi (dua kiri) menunjukkan Kad Vaksin COVID-19 selepas menerima suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech daripada Penolong Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling, Mohd Azuan Puteh pada Pelancaran Program Imunisasi Vaksin COVID-19 Peringkat Negeri Selangor di Hospital Shah Alam, semalam. Turut hadir, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari (tengah). — Gambar Bernama

di daerah untuk dijadikan tempat pemberian vaksin berskala besar bagi pelaksanaan pemberian imunisasi COVID-19 bagi fasa dua dan tiga.

Sementara itu, Amirudin dalam sidang akhbar selepas majlis berkenaan berkata Selangor telah menerima

sebanyak 78,000 dos vaksin bagi fasa pertama melibatkan petugas barisan hadapan di negeri berkenaan.

“Ketika ini, Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud sedang menyiapkan senarai petugas barisan hadapan yang akan

menerima suntikan vaksin berkenaan, keutamaan akan diberikan kepada petugas hospital kerajaan dan swasta, pasukan keselamatan dan saya juga berharap guru turut akan dimasukkan dalam senarai penerima vaksin bagi fasa pertama ini,” katanya.

Tambah Amirudin, Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai daerah dan Yang Dipertua Majlis juga termasuk dalam senarai penerima vaksin bagi fasa pertama yang dijangka berakhir pada April atau Mei depan.

Katanya, golongan berkenaan perlu diberikan vaksin COVID-19 awal kerana mereka akan terlibat dengan program imunisasi fasa dua dan seterusnya.

Mengulas mengenai perkembangan pembelian vaksin COVID-19 oleh Kerajaan Selangor, Amirudin berkata pihaknya telah mengenal pasti beberapa pengeluar vaksin yang berpotensi dan pengumuman mengenainya akan dibuat setelah pembelian dilakukan. — Bernama